

## PROMOSI ISTIMEWA “PAYDAY” DEPOSIT TETAP / DEPOSIT TETAP-i ATAS TALIAN

Tarikh dikemaskini pada 7 Disember 2017

### TEMPOH PROMOSI

1. “Promosi Istimewa “PayDay” Deposit Tetap / Deposit Tetap-i Atas Talian” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”) bermula pada 01 Disember 2017 dan berakhir pada 31 Disember 2017, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana istimewa “PayDay” berjumlah RM1,500,000,000.00, mengikut mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### Terma & Syarat

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:

### KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada individu yang merupakan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan HLB / HLISB (“CASA / CASA-i”) dan telah mendaftar untuk Hong Leong Connect (“Pelanggan”). Untuk mengelakkan keraguan, pemegang Akaun CASA / CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun Deposit Tetap / Deposit Tetap-i Atas Talian (“eFD / eFD-i”) dan **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi ini.
3. Persendirian, Perkongsian, Badan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan dan entiti perniagaan yang lain **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan eFD / eFD-i dan **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi ini. Untuk mengelakkan keraguan, pemegang Akaun Klien Peguam Cara **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan eFD / eFD-i dan **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi ini.
4. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi dan sehingga 31 Disember 2017 **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
5. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucah kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

### KAEDAH PROMOSI

6. Untuk tujuan promosi ini, semua perletakan deposit mesti melalui pemindahan dana dari bank lain melalui “Financial Process Exchange” (“FPX”). FPX adalah satu kaedah pembayaran secara online yang selamat bagi memudahkan pemindahan dana di antara bank-bank. FPX tidak dimiliki oleh HLB/HLISB. FPX dipermudahkan oleh “Malaysian Electronic Clearing Corporation” (“MyClear”). Maklumat lanjut boleh didapati di <http://www.myclear.org.my/personal-fpx.html>.
7. Pelanggan yang telah membuat perletakan deposit di antara Amaun Perletakan Minimum sehingga Amaun Perletakan Maksimum dalam jumlah tertentu (“Amaun eFD / eFD-i”) dalam Akaun eFD / eFD-i yang baru atau sedia ada bagi tempoh eFD / eFD-i pada Hari Perletakan yang dinyatakan di bawah, semasa Tempoh Promosi akan menikmati kadar faedah / keuntungan promosi seperti berikut (“Pelanggan Layak”):

Tempoh Promosi	Tempoh eFD / eFD-i	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi eFD / eFD-i	Kadar Faedah / Keuntungan eFD / eFD-i Efektif	Amaun Perletakan eFD / eFD-i Minimum	Amaun Perletakan eFD / eFD-i Maksimum
01 - 31 Dec 2017	13 bulan	4.20% setahun	4.20% setahun	RM1,000	RM2,000,000

8. Amaun Perletakan maksimum untuk satu transaksi melalui pemindahan FPX ialah **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)** atau tertakluk kepada jumlah maksimum / had pemindahan yang telah ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan dengan bank yang berkenaan, mengikut mana yang lebih rendah.

9. Kadar faedah / keuntungan promosi eFD / eFD-i disediakan bagi perletakan dibuat oleh Pelanggan Layak dari pukul 6.00 pagi sehingga pukul 11.59 malam melalui Hong Leong Connect, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu seperti yang ditetapkan oleh HLB / HLISB di Hong Leong Connect.
10. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan Akaun CASA / CASA-i yang dikekalkan dengan HLB / HLISB di bawah nama individu Pelanggan Layak ("CASA Namaan") bagi tujuan mengkreditkan faedah / keuntungan yang diletakan di bawah Promosi ini. Kadar faedah / keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i Namaan Pelanggan Layak secara bulanan.
11. Apabila tarikh matang, amaun pokok eFD / eFD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah / keuntungan semasa eFD / eFD-i masing-masing.
12. Sekiranya eFD / eFD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan Persatuan Bank-Bank di Malaysia ("ABM") Seksyen E (v) (untuk eFD)/ Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Seksyen 2.15 (untuk eFD-i) akan digunapakai.
  - (a) Kadar faedah / keuntungan tidak akan dibayar bagi mana-mana eFD / eFD-i yang dikeluarkan sebelum genap **tiga (3) bulan**.
  - (b) Sekiranya eFD / eFD-i dikeluarkan dalam bulan keempat (4) ke atas, Pelanggan Layak akan menerima 50% kadar faedah / keuntungan pada Amaun eFD / eFD-i yang ditetapkan bagi bulan-bulan genap sahaja.

HLB / HLISB berhak menarik balik dan memotong amaun yang setara dengan kadar faedah / keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eFD / eFD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok eFD / eFD-i semasa pengeluaran.

Pelanggan HLISB bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang.

13. Pengeluaran sebahagian daripada eFD / eFD-i adalah tidak dibenarkan.
14. Amaun eFD / eFD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

#### **AM**

15. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
  - (a) membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
  - (b) keputusan HLB / HLISB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB / HLISB tidak akan dilayan;
  - (c) mengakses Laman Web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") / Laman Web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Web HLISB") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat.
  - (d) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
16. HLB / HLISB berhak:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB / HLISB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB / HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal.
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB / HLISB menurut budi bicara mutlakanya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab.
17. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat Deposit Tetap/-i Atas Talian hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

18. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB / HLISB akan diutamakan.
19. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Deposit Tetap / Deposit Tetap-i Layak dilindungi oleh PIDM**